

19/10/2001

KSN yakin projek pakej rangsangan siap tahun ini

Saidon Idris

KETUA Setiausaha Negara, (KSN) Tan Sri Samsudin Osman berkata, beliau yakin projek di bawah peruntukan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan baru-baru ini disiapkan menurut jadual dan kontraktor melaksanakannya memperoleh bayaran tahun ini juga.

"Insya-Allah kita boleh siapkan dan membuat pembayaran kepada kontraktor tahun ini juga," katanya mengulas langkah sektor perkhidmatan awam bagi memastikan projek disiapkan dan kontraktor memperoleh bayaran mengikut jadual.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan cawangan AFFIN Bank Bhd di Putra Jaya semalam. Ia lokasi baru bagi cawangan AFFIN Bank Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

Turut hadir Pengerusi Affin Bank, Tan Sri Zain Hashim dan Presiden merangkap Ketua Eksekutifnya, Datuk Raja Aman Ahmad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 25 September lalu, mengumumkan pakej rangsangan baru membabitkan peruntukan tambahan RM4.3 bilion bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal di paras positif berikutan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan pergolakan di Amerika Syarikat (AS).

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan peruntukan tambahan itu mencapai matlamat untuk merangsang ekonomi ia akan dibelanjakan sepanjang tempoh tiga bulan terakhir tahun ini.

Antara lain pakej itu membabitkan projek pembangunan kecil luar bandar dan pembangunan terpilih di bandar bernilai RM1 bilion, peruntukan khas bagi menaik taraf tadika yang dikendalikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), tambahan RM300 juta bagi menaik taraf dan kerja penyelenggaraan bangunan kerajaan, kuarters dan kemudahan lain, terutama sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar dan tambahan RM300 juta bagi membina makmal komputer di 2,000 sekolah.

Ketika mengumumkannya Dr Mahathir berkata, peruntukan tambahan itu yang merupakan tambahan kepada pakej rangsangan fiskal RM3 bilion yang diumumkan Mac lalu dijangka mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara tahun ini sekitar satu hingga dua peratus.

Samsudin berkata, kebanyakan projek yang diperuntukkan dalam pakej rangsangan tambahan itu sudah mula dilaksanakan di seluruh negara.

Katanya, tumpuan sektor perkhidmatan awam sekarang bagi melaksanakan projek itu dengan harapan ia menjana dan merangsang ekonomi negara.

"Saya memang menaruh harapan setiap anggota perkhidmatan awam berkerja keras supaya projek itu dapat disiapkan. Saya juga berharap semua pihak terbabit termasuk kontraktor akan menyiapkan kerja itu menurut jadual, katanya.

Sementara itu, Samsudin berkata kerajaan akan menimbangkan untuk mewujudkan semula Skim Khidmat Sementara (SKS) yang memperkenalkan ketika negara dilanda masalah ekonomi pada penghujung 1980'an.

Katanya, bagaimanapun butiran pelaksanaan skim itu sama ada seperti yang dilaksanakan dulu itu hanya akan diketahui selepas kajian mengenainya disiapkan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan membayar bonus kepada kakitangan awam tahun ini, Samsudin berkata: "Saya benar-benar tidak tahu. Kita sama-sama dengar esok (ucapan Belanjawaan 2002 oleh Dr Mahathir)."

(END)